

HUBUNGAN ANTARA STAIL BERFIKIR STERNBERG DENGAN TAHAP PENGUASAAN SEJARAH DALAM PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

THE RELATIONSHIP BETWEEN STERNBERG'S THINKING STYLES
AND HISTORY MASTERY LEVELS IN CLASSROOM ASSESSMENT

*Kulasingam Kunaggaran¹

*M. Kaviza²

[1] Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,
Universiti Sains Malaysia

[2] SMK Tengku Suleiman
*kavizakaviza@yahoo.com

Abstract: This survey study aims to determine whether there is a significant relationship between thinking style and level of history acquisition in Classroom Assessment, in addition to determining whether legislative, executive, judicial, global, local, liberal, conservative, hierarchic, monarchic, oligarchic, anarchic, internal, and external thinking styles are predictor variables for the level of history acquisition in Classroom Assessment. A total of 150 students were involved in this study. The research instrument is a questionnaire utilising Sternberg Wagner Thinking Styles Inventory while the level of history acquisition was based on the result of Classroom Assessment. The instrument was validated and has a good discrimination and difficulty index and reliability value. The data of this study was analyzed using descriptive and inferential statistics such as Pearson Correlation and Multiple Regression test through IBM SPSS software. The findings of this study show that there is a significant positive linear relationship between legislative, executive, judicial, global, local, liberal, conservative, hierarchic, monarchic, oligarchic, anarchic, internal, and external with history acquisition and contribute 69 percent as predictor variables. The implication of this study is student's thinking style and history acquisition in Classroom Assessment are related in determining the effectiveness of the history learning process among students.

Keywords: Thinking Style, History Acquisition, Classroom Assessment, History Subject, Correlation

PENGENALAN

Elemen pemikiran memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran sejarah melalui pengaplikasian kemahiran pemikiran sejarah, kemahiran berfikir aras tinggi, kemahiran berfikir kritis, kreatif serta menaakul dan menyelesaikan masalah melalui aplikasi strategi berfikir secara berstruktur dan berfokus (Pusat Perkembangan Kurikulum [PPK], 2018). Kepentingan penerapan elemen pemikiran adalah seiring dengan objektif Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mata pelajaran sejarah yang telah menyarankan keperluan mengaplikasikan dan meningkatkan kemahiran berfikir melalui fakta sejarah yang tepat dalam kalangan murid (PPK, 2018). Hal ini demikian kerana pelbagai strategi pemikiran atau stail berfikir digunakan oleh murid-murid sejarah untuk menerima maklumat, menyelesaikan masalah pembelajaran, menjana penaaakulan serta membuat keputusan secara kritis dan kreatif bagi memantapkan proses pembelajaran mereka di dalam kelas (Suppiah et al., 2009). Perkara ini bertepatan berdasarkan penjelasan Ramlah Jantan dan Mahami Razali (2002) dalam bukunya "Psikologi Pendidikan dan Pendekatan Kontemporari" iaitu setiap murid adalah berbeza dari aspek fizikal, emosi (mental), kecerdasan, sosial, budaya, personaliti, bahasa ibunda, kepercayaan agama, bangsa dan etnik, temperamen dan gaya kognitif walaupun ada kalanya setiap aspek tersebut saling berkait dan bergantung antara satu sama lain.

Sungguhpun begitu, dalam konteks bilik darjah, perbezaan stail berfikir merujuk kepada gaya kognitif atau gaya belajar murid yang kedua-duanya terhasil daripada perbezaan individu yang kebiasaannya dipamerkan oleh murid di dalam kelas sama ada mereka selesa belajar dengan cara tersendiri, cepat menghantar tugas dan sebagainya yang memberi kesan terhadap proses pembelajaran mereka (Suppiah Nachiappan et al., 2008). Namun, penerokaan terhadap stail berfikir yang dominan yang diamalkan oleh murid-murid dapat membantu guru-guru untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah yang bermakna dan berkesan dengan mempelbagaikan strategi, kaedah dan teknik pengajaran yang sedia ada bagi memenuhi pelbagai kehendak berdasarkan perbezaan kognitif murid (Mok, 2008; Noriati A. Rashid, Boon & Sharifah Fakhiriah Syed Ahmad, 2009). Hal ini demikian kerana guru-guru dapat memahami dan mendiagnosis kekuatan dan kelemahan terhadap proses pembelajaran mereka bagi memastikan semua murid dapat menguasai pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari tanpa berlaku sebarang keciciran dan kemerosotan pencapaian akademik (Baharom Mohamad & Iliyas Hashim, 2010). Oleh

kerana elemen stail berfikir adalah penting dalam proses pembelajaran dan mempunyai kaitan dengan aspek kecerdasan dan personaliti, maka berdasarkan *Theory Mental Self-Government Sternberg* (1988), beliau telah

mencadangkan satu set stail berfikir yang melibatkan dimensi fungsi, peringkat, kecenderungan, bentuk dan skop dengan 13 jenis stail berfikir yang berbeza mengikut cara dan aktiviti belajar seperti stail berfikir legislatif, eksekutif, judisial, global, lokal, liberal, konservatif, monarkik, hirarkik, oligarkik, anarkik, dalaman dan luaran (Sternberg, 1997; Sternberg & Zhang, 2005; Sternberg, Grigorenko & Zhang, 2008; Sternberg, Wagner & Zhang, 2008; Sternberg & Wagner, 1991; Martinez-Romero, 2018).

Seperti yang diketahui, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) telah dimulai pada tahun 2016 yang melibatkan penentuan tahap penguasaan murid dalam setiap mata pelajaran yang dinyatakan melalui Standard Prestasi seperti terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM bagi sekolah menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2019). PBD merupakan proses yang berterusan dalam sesi pembelajaran dan pemudahcaraan bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan murid terhadap matlamat kurikulum yang dihasratkan. PBD juga melibatkan proses mengumpul dan menganalisis maklumat serta membuat refleksi yang berterusan terhadap proses pembelajaran dan pemudahcaraan agar membolehkan guru-guru merancang tindakan susulan ke arah menambah baik penguasaan dan pencapaian murid dalam pembelajaran. Sehubungan dengan itu, PBD melibatkan dua bentuk pentaksiran iaitu pentaksiran formatif dan pentaksiran sumatif melalui tiga komponen utama seperti berikut:

- (a) Pentaksiran Untuk Pembelajaran (*Assessment for Learning*): Pentaksiran diagnostik yang digunakan untuk merancang strategi atau langkah seterusnya dalam meningkatkan pembelajaran murid dan tahap penguasaan murid.
- (b) Pentaksiran Sebagai Pembelajaran (*Assessment as Learning*): Pentaksiran berlaku apabila murid membuat refleksi dan menilai perkembangan pembelajaran masing-masing bagi membolehkan mereka memahami tujuan mereka belajar dan menyedari apa yang mereka patut lakukan bagi menguasai sesuatu objektif pembelajaran.
- (c) Pentaksiran Tentang Pembelajaran (*Assessment of Learning*): Pentaksiran berlaku pada akhir sesuatu tempoh, tajuk atau bidang pembelajaran.

(KPM, 2019)

Sehubungan dengan itu, pelaksanaan PBD dalam KSSM adalah melibatkan penentuan Tahap Penguasaan bagi setiap murid dengan merujuk kepada Standard Prestasi yang menunjukkan perkembangan pembelajaran dan pencapaian murid berdasarkan taksonomi kognitif, psikomotor dan afektif. (KPM, 2019; PPK, 2018). Terdapat enam Tahap Penguasaan yang dicadangkan dalam DSKP dan setiap pernyataan Tahap Penguasaan ditafsir secara generik dalam setiap mata pelajaran sebagai aras tertentu untuk memberi gambaran holistik terhadap pencapaian murid (KPM, 2019; PPK, 2018).

PERNYATAAN MASALAH

Adalah diakui bahawa aplikasi stail berfikir murid yang berbeza dalam proses pembelajaran dibuktikan saling mempengaruhi dan berkait antara satu sama lain serta dilaporkan memberi impak positif dengan pencapaian akademik murid dalam menentukan peningkatan kompetensi penguasaan, kemajuan dan pencapaian melalui penyepaduan aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai (Zhang, 2004; Kao, 2008; Kartigari, Heidari, Firaouzi & Ariya, 2017; PPK, 2018; Mok, 2008; Noriati A. Rashid, Boon & Sharifah Fakhiriah Syed Ahmad, 2009; Martinez-Romera, 2018; Sternberg & Grigorenka, 1997). Namun, sejauh manakah stail berfikir yang berbeza yang dipraktikkan oleh murid-murid dalam proses pembelajaran sejarah mempengaruhi tahap penguasaan sejarah dalam PBD perlu diketahui. Hal ini demikian kerana murid-murid sejarah mengaplikasikan stail berfikir yang berbeza-beza dalam merangsang proses pemikiran mereka untuk menganalisis, menilai dan merumus fakta-fakta sejarah secara rasional dan perkara ini adalah disokong berdasarkan dapatan kajian tinjauan awal yang telah dijalankan oleh Kulasingam dan Kaviza (2022, dalam proses pertimbangan penerbitan) yang telah mendapati bahawa murid-murid sejarah telah mengaplikasikan 11 jenis stail berfikir Sternberg yang dominan berdasarkan lima dimensi semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan sejarah di dalam kelas. Tambahan pula, disebabkan oleh proses pentaksiran PBD dalam mata pelajaran sejarah juga membolehkan murid-murid dapat mengesan perkembangan diri, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam pembelajaran serta meningkatkan pencapaian pembelajaran (KPM, 2019; PPK, 2018). Justeru, terdapat satu keperluan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini untuk menentukan sama ada stail berfikir dan tahap penguasaan sejarah dalam PBD saling mempengaruhi dalam proses pembelajaran sejarah bagi membolehkan guru-guru dapat merancang, mengubahsuai dan menambah baik keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran serta menjalankan tindakan susulan yang sesuai dengan serta

merta dengan mengambil kira pelbagai aspek stail berfikir murid agar dapat meningkatkan penguasaan dan pencapaian secara berterusan dalam proses pembelajaran mereka.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini ialah untuk menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara stail berfikir dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD, di samping menentukan sama ada stail berfikir legislatif, stail berfikir eksekutif, stail berfikir judisial, stail berfikir global, stail berfikir lokal, stail berfikir liberal, stail berfikir konservatif, stail berfikir monarkik, stail berfikir hirarkik, stail berfikir oligarkik, stail berfikir anarkik, stail berfikir luaran dan stail berfikir dalaman merupakan pembolehubah peramal yang menyumbang terhadap tahap penguasaan sejarah dalam PBD.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:

1. Menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara stail berfikir iaitu stail berfikir legislatif, stail berfikir eksekutif, stail berfikir judisial, stail berfikir global, stail berfikir lokal, stail berfikir liberal, stail berfikir konservatif, stail berfikir monarkik, stail berfikir hirarkik, stail berfikir oligarkik, stail berfikir anarkik, stail berfikir luaran dan stail berfikir dalaman dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD
2. Menentukan sama ada stail berfikir legislatif, stail berfikir eksekutif, stail berfikir judisial, stail berfikir global, stail berfikir lokal, stail berfikir liberal, stail berfikir konservatif, stail berfikir monarkik, stail berfikir hirarkik, stail berfikir oligarkik, stail berfikir anarkik, stail berfikir luaran dan stail berfikir dalaman merupakan pembolehubah peramal yang menyumbang terhadap tahap penguasaan sejarah dalam PBD

SOALAN KAJIAN

Soalan kajian ini ialah:

1. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara stail berfikir iaitu stail berfikir legislatif, stail berfikir eksekutif, stail berfikir judisial, stail berfikir global, stail berfikir lokal, stail berfikir liberal, stail berfikir konservatif, stail berfikir monarkik, stail berfikir hirarkik, stail berfikir oligarkik, stail berfikir anarkik, stail berfikir luaran dan stail berfikir dalaman dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD?
2. Adakah stail berfikir legislatif, stail berfikir eksekutif, stail berfikir judisial, stail berfikir global, stail berfikir lokal, stail berfikir liberal, stail berfikir konservatif, stail berfikir monarkik, stail berfikir hirarkik, stail berfikir oligarkik, stail berfikir anarkik, stail berfikir luaran dan stail berfikir dalaman merupakan pembolehubah peramal yang menyumbang terhadap tahap penguasaan sejarah dalam PBD?

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini merupakan kajian tinjauan. Seramai 150 orang murid tingkatan lima yang ditentukan melalui teknik persampelan rawak mudah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian ini merupakan adaptasi soal selidik *Sternberg Wagner Thinking Styles Inventory* yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Sharifah Amnah Syed Ahmad (2009) dalam kajian kedoktorannya, manakala tahap penguasaan sejarah pula adalah berdasarkan keputusan tahap penguasaan PBD akhir tahun (Tahap Penguasaan 1 hingga Tahap Penguasaan 6). Instrumen kajian ini telah disahkan kesahannya dan mempunyai nilai indeks kesukaran dan diskriminasi serta nilai kebolehpercayaan iaitu nilai *Cronbach Alpha* 0.97 yang dianggap baik dan diterima bagi tujuan kajian ini (Nunnally & Bernstein, 1994; Ebel & Frishie, 1991; Brown, 1981). Kebenaran menggunakan instrumen soal selidik *Sternberg Wagner Thinking Styles Inventory* telah diperolehi pembina dan penterjemahnya. Data kajian ini telah dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi iaitu ujian korelasi *Pearson* dan ujian Regresi Pelbagai melalui perisian *IBM SPSS*. Interpretasi kekuatan korelasi dalam kajian ini telah ditentukan berdasarkan interpretasi kekuatan korelasi yang diadaptasi daripada Davies (1971) seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Kekuatan Korelasi

Skor Min	Tahap
1.00	Kukuh
0.70 – 0.99	Sangat tinggi
0.50 - 0.69	Tinggi
0.30 – 0.49	Sederhana
0.10 - 0.29	Rendah
0.01 – 0.09	Boleh diabaikan

Sumber: Adaptasi daripada Davies (1971)

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian ini secara menyeluruh.

Soalan Kajian 1

Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara stail berfikir iaitu stail berfikir legislatif, stail berfikir eksekutif, stail berfikir judicial, stail berfikir global, stail berfikir lokal, stail berfikir liberal, stail berfikir konservatif, stail berfikir monarkik, stail berfikir hirarkik, stail berfikir oligarkik, stail berfikir anarkik, stail berfikir luaran dan stail berfikir dalaman dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD?

Bagi menjawab soalan kajian 1, maka sub hipotesis kajian (H_{01}) telah dibentuk bagi diuji pada aras kesignifikan ($p=0.05$) adalah seperti berikut:

H_{01a} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min stail berfikir legislatif dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD

H_{01b} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min stail berfikir eksekutif dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD

H_{01c} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min stail berfikir judicial dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD

H_{01d} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min stail berfikir global dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD

H_{01e} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min stail berfikir lokal dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD

H_{01f} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min stail berfikir liberal dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD

H_{01g} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min stail berfikir konservatif dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD

H_{01h} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min stail berfikir monarkik dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD

H_{01i} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min stail berfikir hirarkik dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD

H_{01j} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min stail berfikir oligarkik dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD

H_{01k} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min stail berfikir anarkik dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD

H_{01l} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min stail berfikir luaran dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD

H_{01m} : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara min stail berfikir dalaman dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD

Berdasarkan Jadual 2, dapatan kajian telah melaporkan bahawa kesemua nilai koefisien korelasi *Pearson* antara min stail berfikir dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD adalah linear positif yang signifikan iaitu stail berfikir legislatif [$r=0.24$, $p=0.00$] secara rendah, stail berfikir eksekutif [$r=0.29$, $p=0.00$] secara rendah, stail berfikir judicial [$r=0.40$, $p=0.00$] secara sederhana, stail berfikir global [$r=0.44$, $p=0.00$] secara sederhana, stail berfikir lokal [$r=0.39$, $p=0.00$] secara sederhana, stail berfikir liberal [$r=0.78$, $p=0.00$] secara sangat tinggi, stail berfikir konservatif [$r=0.43$, $p=0.00$] secara sederhana, stail berfikir monarkik [$r=0.32$, $p=0.00$] secara sederhana, stail berfikir hirarkik [$r=0.43$, $p=0.00$] secara sederhana, stail berfikir oligarkik [$r=0.26$, $p=0.00$] secara rendah, stail berfikir anarkik [$r=0.41$, $p=0.00$] secara sederhana, stail berfikir luaran [$r=0.40$, $p=0.00$] secara sederhana dan stail berfikir dalaman [$r=0.48$, $p=0.00$] secara sederhana. Maka, kesemua hipotesis nul kajian yang dibentuk iaitu H_{01a} , H_{01b} , H_{01c} , H_{01d} , H_{01e} , H_{01f} , H_{01g} , H_{01h} , H_{01i} , H_{01j} , H_{01k} , H_{01l} dan H_{01m} telah ditolak. Justeru, dapat dirumuskan

bahawa terdapat hubungan linear positif yang signifikan antara kesemua stail berfikir iaitu stail berfikir legislatif, stail berfikir eksekutif, stail berfikir judicial, stail berfikir global, stail berfikir lokal, stail berfikir liberal, stail berfikir konservatif, stail berfikir monarkik, stail berfikir hirarkik, stail berfikir oligarkik, stail berfikir anarkik, stail berfikir luaran dan stail berfikir dalaman dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD dalam kajian ini. Perkara ini telah menerangkan bahawa sekiranya min stail berfikir legislatif, stail berfikir eksekutif, stail berfikir judicial, stail berfikir global, stail berfikir lokal, stail berfikir liberal, stail berfikir konservatif, stail berfikir monarkik, stail berfikir hirarkik, stail berfikir oligarkik, stail berfikir anarkik, stail berfikir luaran dan stail berfikir dalaman murid meningkat, maka tahap penguasaan murid dalam PBD juga akan meningkat dalam kajian ini.

Jadual 2: Hubungan antara min stail berfikir dengan tahap penguasaan sejarah

Stail berfikir	Tahap Penguasaan Sejarah		N	Tahap
	Pearson Correlation	Sig		
Legislatif	0.24**	0.00	150	Rendah
Eksekutif	0.29**	0.00	150	Rendah
Judisial	0.40**	0.00	150	Sederhana
Global	0.44**	0.00	150	Sederhana
Lokal	0.39**	0.00	150	Sederhana
Liberal	0.78**	0.00	150	Sangat Tinggi
Konservatif	0.43**	0.00	150	Sederhana
Monarkik	0.32**	0.00	150	Sederhana
Hirarkik	0.43**	0.00	150	Sederhana
Oligarkik	0.26**	0.00	150	Rendah
Anarkik	0.41**	0.00	150	Sederhana
Luaran	0.40**	0.00	150	Sederhana
Dalaman	0.48**	0.00	150	Sederhana

** Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

Soalan Kajian 2

Adakah stail berfikir legislatif, stail berfikir eksekutif, stail berfikir judicial, stail berfikir global, stail berfikir lokal, stail berfikir liberal, stail berfikir konservatif, stail berfikir monarkik, stail berfikir hirarkik, stail berfikir oligarkik, stail berfikir anarkik, stail berfikir luaran dan stail berfikir dalaman merupakan pemboleh ubah peramal yang menyumbang terhadap tahap penguasaan sejarah dalam PBD?

Bagi menjawab sub soalan kajian 2, maka hipotesis kajian (H_{02}) telah dibentuk bagi diuji pada aras kesignifikan ($p=0.05$) adalah seperti berikut:

H_{02} : Tidak terdapat sumbangan yang signifikan antara pemboleh ubah peramal iaitu stail berfikir legislatif, stail berfikir eksekutif, stail berfikir judicial, stail berfikir global, stail berfikir lokal, stail berfikir liberal, stail berfikir konservatif, stail berfikir monarkik, stail berfikir hirarkik, stail berfikir oligarkik, stail berfikir anarkik, stail berfikir luaran dan stail berfikir dalaman terhadap tahap penguasaan sejarah dalam PBD

Berdasarkan Jadual 3 menunjukkan bahawa pemboleh ubah stail berfikir legislatif, stail berfikir eksekutif, stail berfikir judicial, stail berfikir global, stail berfikir lokal, stail berfikir liberal, stail berfikir konservatif, stail berfikir monarkik, stail berfikir hirarkik, stail berfikir oligarkik, stail berfikir anarkik, stail berfikir luaran dan stail berfikir dalaman menyumbang secara signifikan terhadap tahap penguasaan sejarah dalam PBD [$F(13, 149) = 23.53, p=0.00$]. Maka, H_{04} telah ditolak. Maka, dapat dirumuskan bahawa terdapat sumbangan yang signifikan antara pemboleh ubah peramal iaitu stail berfikir legislatif, stail berfikir eksekutif, stail berfikir judicial, stail berfikir global, stail berfikir lokal, stail berfikir liberal, stail berfikir konservatif, stail berfikir monarkik, stail berfikir hirarkik, stail berfikir oligarkik, stail berfikir anarkik, stail berfikir luaran dan stail berfikir dalaman terhadap tahap penguasaan sejarah dalam PBD dalam kajian ini.

Jadual 3: Analisis Varians Regresi Pelbagai

Pemboleh ubah	Jumlah kuasa dua	df	Min kuasa dua	F	Sig.
Regresi	114.76	13	8.83	23.53	0.00
Reja	51.03	136	0.38		
Jumlah	165.79	149			

Tambahan pula, kesemua pembolehubah peramal dalam stail berfikir menyumbang sebanyak 69 peratus varians terhadap tahap penguasaan sejarah dalam PBD ($r^2=0.69$). Berdasarkan Jadual 4, tiga pembolehubah peramal dalam kajian ini didapati memberi sumbangan secara signifikan terhadap tahap penguasaan sejarah berdasarkan nilai pemberat regresi piawai (β) iaitu pembolehubah stail berfikir liberal merupakan peramal yang tertinggi ($\beta=0.96$, $t=11.15$, $p=0.00$), diikuti dengan pembolehubah stail berfikir legislatif ($\beta=-0.33$, $t=-3.25$, $p=0.01$) dan pembolehubah stail berfikir judicial ($\beta=-0.26$, $t=-2.61$, $p=0.01$). Manakala, pembolehubah peramal yang lain dalam kajian ini didapati memberi sumbangan secara tidak signifikan iaitu pembolehubah stail berfikir monarkik ($\beta=-0.18$, $t=-1.89$, $p=0.06$), pembolehubah stail berfikir eksekutif ($\beta=0.14$, $t=1.34$, $p=0.18$), pembolehubah stail berfikir anarkik ($\beta=-0.14$, $t=-1.43$, $p=0.16$), pembolehubah stail berfikir global ($\beta=0.12$, $t=1.25$, $p=0.21$), pembolehubah stail berfikir luaran ($\beta=0.12$, $t=1.17$, $p=0.25$), pembolehubah stail berfikir konservatif ($\beta=0.07$, $t=0.80$, $p=0.43$), pembolehubah stail berfikir dalaman ($\beta=0.07$, $t=0.68$, $p=0.50$), pembolehubah stail berfikir hirarkik ($\beta=0.04$, $t=0.37$, $p=0.71$), pembolehubah stail berfikir oligarkik ($\beta=0.04$, $t=0.46$, $p=0.65$) dan pembolehubah stail berfikir lokal ($\beta=0.03$, $t=0.34$, $p=0.73$). Perkara ini menunjukkan bahawa nilai (β) bagi setiap unit peningkatan dan penurunan dalam pembolehubah tidak bersandar diikuti dengan setiap unit peningkatan dan penurunan dalam pembolehubah bersandar. Nilai pekali pada Jadual 16 juga telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear bagi model dengan persamaan garis lurus bagi tahap penguasaan sejarah dalam PBD dengan pemboleh ubah peramal adalah seperti berikut:

$$Y = A + B_1 X_1 + B_2 X_2 + B_3 X_3 + B_4 X_4 + B_5 X_5 + B_6 X_6 + B_7 X_7 + B_8 X_8 + B_9 X_9 + B_{10} X_{10} + B_{11} X_{11} + B_{12} X_{12} + B_{13} X_{13} + e$$

$$[Y = 1.99 + -0.33X_1 + 0.13 X_2 + -0.27 X_3 + 0.13X_4 + 0.04X_5 + 0.91X_6 + 0.07X_7 + -0.17X_8 + 0.04X_9 + 0.03X_{10} + -0.15X_{11} + 0.12X_{12} + 0.07X_{13} + 0.24]$$

di mana

y = Tahap penguasaan sejarah dalam PBD

A = Pemalar

$B_1, B_2, B_3, B_4, B_5, B_6, B_7, B_8, B_9, B_{10}, B_{11}, B_{12}, B_{13}$ = Pekali

X_1 = Stail berfikir legislatif

X_2 = Stail berfikir eksekutif

X_3 = Stail berfikir judicial

X_4 = Stail berfikir global

X_5 = Stail berfikir lokal

X_6 = Stail berfikir liberal

X_7 = Stail berfikir konservatif

X_8 = Stail berfikir monarkik

X_9 = Stail berfikir hirarkik

X_{10} = Stail berfikir oligarkik

X_{11} = Stail berfikir anarkik

X_{12} = Stail berfikir luaran

X_{13} = Stail berfikir dalaman

e = Ralat kajian

Jadual 4: Analisis Regresi Pelbagai bagi tahap penguasaan sejarah dalam PBD dengan pembolehubah peramal

Pembolehubah	Pekali tidak piawai (B)	Ralat pekali	Pekali Piawai (β)	t	Sig.
Pemalar	1.99	0.24		8.22	0.00
Legislatif	-0.33	0.10	-0.33	-3.25	0.01
Eksekutif	0.13	0.10	0.14	1.34	0.18
Judisial	-0.27	0.10	-0.26	-2.61	0.01
Global	0.13	0.10	0.12	1.25	0.21
Lokal	0.04	0.11	0.03	0.34	0.73
Liberal	0.91	0.08	0.96	11.15	0.00
Konservatif	0.07	0.09	0.07	0.80	0.43
Monarkik	-0.17	0.09	-0.18	-1.89	0.06
Hirarkik	0.04	0.11	0.04	0.37	0.71
Oligarkik	0.03	0.07	0.04	0.46	0.65
Anarkik	-0.15	0.11	-0.14	-1.43	0.16
Luaran	0.12	0.10	0.12	1.17	0.25
Dalaman	0.07	0.10	0.07	0.68	0.50

[45]

PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan linear positif yang signifikan secara tinggi bagi stail berfikir liberal, hubungan linear positif yang signifikan secara sederhana bagi stail berfikir judicial, stail berfikir global, stail berfikir lokal, stail berfikir konservatif, stail berfikir hirarkik, stail berfikir monarkik, stail berfikir anarkik, stail berfikir dalaman dan stail berfikir luaran, manakala terdapat hubungan linear positif yang signifikan secara rendah bagi stail berfikir legislatif, stail berfikir eksekutif dan stail berfikir oligarkik terhadap tahap penguasaan sejarah dalam PBD. Dapatan ini telah menerangkan bahawa sekiranya pengamalan kecenderungan stail berfikir murid sama ada stail berfikir legislatif, stail berfikir eksekutif, stail berfikir judicial, stail berfikir global, stail berfikir lokal, stail berfikir liberal, stail berfikir konservatif, stail berfikir monarkik, stail berfikir hirarkik, stail berfikir oligarkik, stail berfikir anarkik, stail berfikir luaran dan stail berfikir dalaman meningkat, maka tahap penguasaan murid dalam PBD juga akan meningkat dalam kajian ini. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini adalah tidak sealiran dengan dapatan kajian Amnah Zanariah Ab Razak dan Norzaini Azman (2012) yang melaporkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara stail berfikir dengan pencapaian akademik dalam kalangan jururawat pelatih dan dapatan kajian Roghayeh Sajedi (2018) yang melaporkan bahawa tidak terdapat hubungan pemikiran kritis dengan stail berfikir legislatif dan pemikiran kreatif serta dapatan kajian Heong et al. (2014) yang turut melaporkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran Kolb dengan gaya berfikir Sternberg. Walaubagaimanapun, hubungan linear yang positif secara signifikan antara stail berfikir dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD dalam kajian ini adalah disebabkan oleh proses pelaksanaan PBD dalam mata pelajaran sejarah adalah dilakukan secara berterusan sepanjang proses pembelajaran dan pemudahcaraan yang telah menyediakan ruang yang luas kepada murid-murid sejarah untuk menganalisis, menilai dan merumus fakta-fakta sejarah secara rasional dengan mengambil kira tahap kecerdasan dan kebolehan murid sama ada melalui pemerhatian, kerja kursus, kajian kes, membina folio, membuat simulasi, kuiz, ujian bertulis dan sebagainya (PPK, 2018). Tidak dapat disangkal juga keperluan untuk mengambil kira pelbagai aras pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari bagi membolehkan murid dapat mempamerkan pelbagai keupayaan kognitif pembelajaran murid turut disarankan dalam kurikulum mata pelajaran sejarah KSSM (PPK, 2018) yang secara tidak langsung dapat menjelaskan bahawa tahap penguasaan murid adalah berkait rapat dengan stail berfikir murid yang diaplikasikan semasa proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Justeru, dapat dirumuskan bahawa stail berfikir adalah saling berkaitan dengan tahap penguasaan PBD dalam mata pelajaran sejarah dalam kajian ini.

Di samping itu, stail berfikir adalah dilaporkan telah menyumbang sebanyak 69 peratus kepada tahap penguasaan PBD dalam mata pelajaran sejarah dalam kajian ini. Peratus penyumbang yang melebihi 60 peratus kepada tahap penguasaan PBD dalam kajian ini adalah konsisten dengan dapatan kajian Meenah Ramasamy, Yamuna Rani Palanimailly dan Zam Zuriyati Mohamed (2021) yang menjelaskan bahawa stail berfikir mempunyai kaitan dengan kemahiran insaniah iaitu kemahiran komunikasi dan pemikiran kritis serta penyelesaian masalah yang masing-masing menyumbang 60.7 peratus dan 57.6 peratus dan seterusnya dapatan kajian Amnah Zanariah Ad Razak dan Norzaini Azman (2012) yang telah melaporkan bahawa stail berfikir menyumbang kepada pembelajaran kolaboratif sebanyak 45.9 peratus dan pembelajaran kompetitif sebanyak 37.7 peratus telah menyimpulkan bahawa stail berfikir merupakan elemen penting dalam membentuk kemahiran-kemahiran belajar dan proses pembelajaran yang menjurus kepada pencapaian dan penguasaan murid yang secara tidak langsung menyokong dapatan kajian ini. Tahap penguasaan sejarah dalam PBD yang dilaksanakan secara berterusan semasa proses pembelajaran murid adalah berkait rapat dengan proses pemikiran kognitif dan mental melalui penyepaduan antara elemen pengetahuan, kemahiran nilai seperti yang dsarankan dalam kurikulum. Perkara ini adalah seiring dengan dapatan kajian Najmi Hayati et al. (2021) yang melaporkan bahawa stail berfikir monarkik, oligarkik, global, lokal, luaran dan konservatif dibuktikan mempengaruhi pencapaian akademik bahasa Arab secara signifikan, dapatan kajian Iqbal Hussain et al. (2022) yang melaporkan bahawa stail berfikir mempunyai hubungan signifikan dengan keupayaan dalam penyelesaian masalah dalam kalangan murid sekolah menengah dan dapatan kajian Noralfefa Hamdan et al. (2021) yang telah melaporkan bahawa 95.6 peratus murid-murid memerlukan gaya berfikir yang kompleks bagi menyelesaikan masalah secara praktikal dan efektif dalam kursus kejuruteraan serta dapatan kajian Mohsin et al. (2021) yang menjelaskan bahawa stail pemikiran memberi mempengaruhi peningkatan pengetahuan melalui komunikasi dan interaksi sosial telah menyokong dapatan kajian ini iaitu pengujian aspek kognitif sama ada aras mengaplikasi, menganalisis, menilai dan menjana idea dalam pencapaian akademik dan tahap penguasaan dalam PBD secara berterusan adalah berkait rapat dengan stail berfikir murid tersebut. Justeru, stail berfikir merupakan pembolehubah peramal yang menyumbang kepada tahap penguasaan sejarah dalam PBD dan elemen stail berfikir perlu diberi perhatian semasa proses pembelajaran dan pentaksiran agar objektif kurikulum sejarah dapat dicapai.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, stail berfikir adalah didapati mempunyai hubungan linear yang signifikan dengan tahap penguasaan sejarah dalam PBD iaitu menyumbang sebanyak 69 peratus dalam kalangan murid sejarah dalam kajian ini. Justeru, implikasi kajian ini telah menyarankan agar guru-guru sejarah perlu melaksanakan proses pentaksiran PBD dengan mengambil kira elemen pemikiran kognitif agar penguasaan murid sejarah dari aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai dapat dirangsang sepenuhnya.

RUJUKAN

- Amnah Zanariah Ab Razak & Norzaini Azman (2012). Stail berfikir dan stail pembelajaran pelajar jururawat: satu kajian kes di kolej Jururawat Murni. *AJTLHE*, 4(1), 14-31.
- Baharom Mohamad & Iliyas Hashim (2010). *Gaya Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd
- Brown, L.G. (1981). *Measuring classroom achievement*. USA: Holt Richard & Winston.
- Davies, I.I.C. (1971). *The Management of Learning*. London: C Gain Hill.
- Ebel, R.L., & Frishie, D.A. (1991). *Essential of educational measurement* (5th ed.). New Delhi: Prentice-Hall of India
- Heong, Y.M., Jailani Md Yunus, Razali Hassan, Widad Othman, Kiong, T.T & Mimi Mohaffyza Mohamed (2014). Hubungan antara gaya pembelajaran Kolb dan bentuk gaya berfikir Sternberg dalam kalangan pelajar pendidikan teknikal. *EDUCATUM: Journal of Science, Mathematics dan technology*, 1(1), 63-81.
- Iqbal Hussain, Raazia Asim dan Saif Ali (2022). Relationship between thinking styles and problem-solving strategies: A case of secondary school students. *Journal of Educational Psychology and Pedagogical Sciences*, 2(1), 1-10.
- Kao, G.X.M, Lei, P.L & Sun, L.T. (2008). Thinking style impacts on web search strategics. *Computer in Human Behaviour*, 24(4), 1330-1341.
- Martinez-Romera (2018). Sternberg-wagner thinking styles: A research tool in social sciences didactics. *Journal of technology and science Education*, 8(4), 308 – 407.
- Meenah Ramasamy, Yamuna Rani Palanimailly & Zam Zuriyati Mohamed (2021). The effect of predominant thinking styles on soft skills among Malaysian accounting students. *International Journal of Accounting, Finance and Bussiness*, 6(12), 247 – 258.
- Mohsin, M.N., Naureen, B & Rana, K.N (2021). Effects of students thinking styles in classroom participation and academic achievement: A case study of Pakistan Students. *Sustainable Business and Society in Emerging Economics*, 3(3), 195-207.
- Najmi Hayati, Shahlan Surat & M.Ali Noer (2021). The relationship between Student Academic Achievement and their Thinking Style. *International Journal of Academic Research in Progressive Education & Development*, 10(2), 79-88.
- Noralfeha Hamdan, Yee, M.H, Azrol Jailani, Saiful Hadi Masran, Kok, B.C, Tee, T.K, Mimi Mohaffyza Mohamed (2021). Penggunaan gaya berfikir dan kemahiran berfikir aras tinggi bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk: Analisis keperluan. *Sains Insani*, 6(2), 182 – 192.
- Noriati A Rashd, Boon, P.Y & Sharifah Fakhiriah Syed Ahmad (2009). *Murid dan Alam Belajar*. Selangor: Fajar Bakti
- Nunnally, J.C., & Bernstein, I.H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed). New York: McGraw Hill.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat dan Lima*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ramlah Jantan & Mahami Razali (2002). *Psikologi Pendidikan dan Pendekatan Kontemporari*. Malaysia: McGraw Hill.
- Roghayeh Sajedi (2018). Relationship between thinking styles, critical thinking and creativity among students of Semman University of Medical Science. *Journal of Advanced Pharmacy Education & Research*, 8(32), 7-11.
- Sharifah Amnah Syed Ahmad. (2009). *Sumbangan peramal kognitif dan bukan kognitif terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar di sebuah institusi Pengajian tinggi awam*. Tesis Ijazah kedoktoran Universiti Sains Malaysia.
- Sternberg, R.J & Grigorenka, E.L. (1997). Are cognitive styles still in style? *Amerika Psychologist*, 52(7), 700-712.
- Sternberg, R.J & Wagner, R.K. (1991). MSG Thinking Style Inventory Manual.
- Sternberg, R.J & Zhang, L.F. (2005). Styles of thinking as bass of differentiated instruction. *Theory in practice*, 44(3), 245 – 253.

- Sternberg, R.J, Grigorenko, E.L & Zhang, L.F (2008). Styles of learning and thinking matter in instruction. *Journal of perspective in psychological and sciences*, 3(6), 486 – 506.
- Sternberg, R.J., Wagner, R.K., & Zhang, L.F. (2007). *Thinking Styles Inventory-Revised II*. Unpublished test, Tufts University
- Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abdul Aziz Abd Shukor, Ramlah Jantan, Roslinda Mustapha & Hazalifah Hamzah, (2009). *Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar*. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Zhang, L.F (2004). Revisting the predictive power of thinking styles for academic performance. *The journal of Pscychology: Interdisciplinary and applied*, 138 (4), 351-370.